

Sudah penat asyik rugi

Mangsa banjir kilat tuntutan pampasan daripada kerajaan negeri

M.FEISAL NORAWI

TEMERLOH – Selepas beberapa siri banjir kilat yang berlaku di Kampung Batu Satu akibat sistem perparitan tersumbat, akhirnya seorang mangsa menuntut pampasan daripada kerajaan negeri Pahang di atas kerugian yang dialami.

Pemilik kedai menjual kereta terpakai, To Lai Yoke 35, membuat laporan di balai Polis Temerloh pada 7 Jun lalu untuk menuntut pampasan berikutan beberapa peralatan pejabat dan komputer miliknya rosak akibat banjir kilat itu.

Menurutnya, banjir kilat berturut-turut yang berlaku pada 4 dan 30 Mei menyebabkan perniagaannya terpaksa ditutup dan banjir kilat yang berlaku pada 6 Jun lalu menyebabkan bahagian pejabat premisnya dinaiki air.

“Kejadian banjir terakhir telah merosakkan perabot dalam pejabat selain kerosakan pada beberapa komputer,” katanya dalam laporan yang dibuat.

Lai Yoke berkata, sejak berniaga di situ lima tahun lalu, per-



Premis Lai Yoke yang ditenggelami banjir kilat pada 30 Mei lalu.

niagaannya kerap kali tergendala disebabkan banjir kilat.

Menurutnya, dia terpaksa menanggung banyak kerja lain

seperti mengalihkan kereta ke tempat lebih tinggi apabila hujan dan mencuci semula kesan lumpur apabila air surut.

“Sudah banyak kali banjir ini terjadi, kali ini paling teruk kerana saya terpaksa alihkan banyak kereta ke tempat lebih tinggi,”

katanya.

Pada 30 Mei lalu sekumpulan penduduk Kampung Batu Satu di sini mengadakan demonstrasi menuntut penyelesaian segera masalah mereka.

Lebih 20 penduduk kampung itu berhimpun selepas solat Jumaat dengan membawa pelbagai sepanduk yang kandungan mesejnya mendesak kerajaan menyelesaikan isu banjir kilat di situ.

Masalah yang berlaku di kampung tersebut membabitkan seluruh penduduk kampung Batu Satu kerana laluan utama ditenggelami banjir kilat dan lima rumah di kawasan tersebut ditenggelami air.

Seorang mangsa banjir kilat itu, Izudin Mohd Norwawi 55, berkata, dia tidak dapat membuka restoran miliknya sejak dua bulan lalu berikutan masalah yang berlaku.

Menurutnya, masalah tersebut telah diajukan kepada pihak berkenaan namun masih tiada penyelesaian dan jawapan yang kerap diterima menyakitkan hatinya.